Butiran		*Program/Aktiviti*	*Kod (Objek Am)*	*Anggaran 2003* RM	*Anggaran 2004* RM
	040200	Ganjaran dan Ganjaran Terbitan Polis	... ...	76,784,400	**80,623,600**
			40000	76,784,400	**80,623,600**
	040300	Ganjaran dan Ganjaran Terbitan Angkatan Tentera	... ...	259,902,200	**272,897,310**
			40000	259,902,200	**272,897,310**
	040400	Ganjaran dan Ganjaran Terbitan Sarawak	... ...	68,794,100	**72,233,800**
			40000	68,794,100	**72,233,800**
	040500	Ganjaran dan Ganjaran Terbitan Sabah	... ...	64,243,400	**67,455,650**
			40000	64,243,400	**67,455,650**
	040600	Ganjaran dan Ganjaran Terbitan Anggota Pentadbiran dan Ahli Parlimen	... ...	3,270,500	**3,434,000**
			40000	3,270,500	**3,434,000**
	040700	Ganjaran dan Ganjaran Terbitan Hakim	... ...	1,000,000	**1,050,000**
			40000	1,000,000	**1,050,000**
050000	**ELAUN BERSARA**		...	13,080,000	**13,734,000**
			40000	13,080,000	**13,734,000**
	050100	Elaun dan Pencen Dibawah Aturan Darurat Kecederaan Diri (Polis Tambahan) (Semenanjung Malaysia)	... ...	20,000	**21,000**
			40000	20,000	**21,000**
	050200	Elaun Yang Disatukan Semenanjung Malaysia	... ...	12,000,000	**12,600,000**
			40000	12,000,000	**12,600,000**
	050300	Elaun Khas	... ...	60,000	**63,000**
			40000	60,000	**63,000**
	050400	Elaun Bersara (Sabah)	... ...	1,000,000	**1,050,000**
			40000	1,000,000	**1,050,000**
	JUMLAH ANGGARAN PERBELANJAAN MENGURUS			4,423,984,800	**4,645,184,000**

PARLIMEN


Maksud Bekalan 01

OBJEKTIF

Sebagai urus setia kepada Parlimen bagi memastikan proses membuat undang-undang Negara berjalan lancar.

PELANGGAN

Ahli Parlimen.



Mengurus RM	Pembangunan RM		Jumlah RM
	Cara Langsung	Pinjaman	
53,184,000	0	0	53,184,000

STRATEGI

Mempertingkat dan mengemaskan tugas-tugas urus setia dengan menggunakan peralatan-peralatan canggih untuk mengemaskinikan rekod-rekod Persidangan Parlimen serta prestasi kakitangan.

PROGRAM 1 : URUSAN PARLIMEN

Aktiviti 1 : Pentadbiran Am

Objektif - Mengurus hal-ehwal pentadbiran, perkhidmatan, perjawatan, kewangan dan akaun. Membuat perancangan bagi melicinkan lagi pelaksanaan aktiviti-aktiviti Parlimen supaya tujuan program dapat dicapai.

PRESTASI AKTIVITI

Output	2002 (Sebenar)	2003 (Anggaran)	2004 (Anggaran)
Bil. tender/sebut harga diproses	13	15	15
Urusan naik pangkat/tatatertib	4	3	3
Urusan pencen	22	19	20
Baucar diproses	3,778	5,000	5,000
Penyata Laporan Akaun disediakan	400	550	550

Aktiviti 2 : Pengurusan Dewan

Objektif - Mengurus hal-hal berkaitan dengan Persidangan Parlimen supaya berfungsi dengan cekap dan berkesan.

PRESTASI AKTIVITI

Output	2002 (Sebenar)	2003 (Anggaran)	2004 (Anggaran)
Bil. hari persidangan/penyata rasmi	92/23,400	110/22,000	100/23,000
Rang Undang-undang	48	50	50
Kertas : Perintah, Statut dan Dewan	221	250	250
Pertanyaan jawab lisan dan bertulis	4,332	3,750	4,200

Butiran	*Program/Aktiviti*	*Kod (Objek Am)*	*Anggaran 2003*	*Anggaran 2004*	*Bil. Jawatan 2003*	*2004*
			RM	*RM*		
	ANGGARAN PERBELANJAAN MENGURUS PARLIMEN					
	10000 Emolumen		25,202,000	**26,621,900**		
	20000 Perkhidmatan dan Bekalan		20,052,000	**22,673,200**		
	30000 Aset		5,579,000	**3,118,000**		
	40000 Kenaan Bayaran Tetap dan Pemberian		616,600	**616,600**		
	50000 Perbelanjaan-perbelanjaan lain		154,300	**154,300**		
	JUMLAH ANGGARAN PERBELANJAAN MENGURUS PARLIMEN		51,603,900	**53,184,000**	161	**161**
010000	**URUSAN PARLIMEN**	... ...	51,603,900	**53,184,000**		
		10000	25,202,000	**26,621,900**	161	**161**
		20000	20,052,000	**22,673,200**		
		30000	5,579,000	**3,118,000**		
		40000	616,600	**616,600**		
		50000	154,300	**154,300**		
	010100 Pentadbiran Am	... ...	19,091,000	**20,368,200**		
		10000	2,547,300	**3,663,700**		
		20000	10,199,400	**12,821,200**		
		30000	5,579,000	**3,118,000**		
		40000	611,000	**611,000**		
		50000	154,300	**154,300**		
	010200 Pengurusan Dewan	... ...	32,512,900	**32,465,800**		
		10000	22,654,700	**22,958,200**		
		20000	9,852,600	**9,502,000**		
		40000	5,600	**5,600**		
020000	**"ONE-OFF"**	**... ...**	0	**350,000**		
			0	**350,000**		
			0	**350,000**		
	020100 Bertugas Di Luar Negara	20000	0	**350,000**		
	JUMLAH ANGGARAN PERBELANJAAN MENGURUS		51,603,900	**53,184,000**	161	**161**

PEJABAT PENYIMPAN MOHOR BESAR RAJA-RAJA

Maksud Bekalan 02


OBJEKTIF

Untuk menentukan pentadbiran Majlis Raja-Raja di bawah peruntukan dalam perkara 38 Perlembagaan Persekutuan diuruskan dengan teratur.

PELANGGAN

(i) Raja-Raja Melayu dan Yang di-Pertua-Yang di-Pertua Negeri Melaka, Sabah, Pulau Pinang dan Sarawak; dan

(ii) Agensi Kerajaan Persekutuan.



Mengurus RM	Pembangunan RM		Jumlah RM
	Cara Langsung	Pinjaman	
1,404,100	0	0	1,404,100

STRATEGI

Sebagai urus setia kepada Majlis Raja-Raja, tumpuan utama adalah mengurus bayaran-bayaran berkaitan dengan Mesyuarat Majlis Raja-Raja seperti berikut:-

(i) Elaun Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja/Tuan-Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua- Yang di-Pertua Negeri sebagaimana yang ditetapkan oleh Kerajaan;

(ii) Tambang-tambang bagi kapal terbang (termasuk sewa kapal terbang TUDM bagi kegunaan Raja yang mempengerusikan mesyuarat) daripada negeri masing-masing ke Kuala Lumpur atau ke tempat di mana Mesyuarat Majlis Raja-Raja (di luar Kuala Lumpur) diadakan;

(iii) Tuntutan daripada Jabatan Kerja Raya Persekutuan kerana sewa perkhidmatan kereta-kereta Kumpulan Kerajaan yang digunakan oleh Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja/Tuan-Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua-Yang di-Pertua Negeri dan oleh Pejabat Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja; dan

(iv) Tuntutan bayaran balik sewa hotel untuk kegunaan Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja/Tuan-Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua-Yang di-Pertua Negeri sekiranya Istana masing-masing tidak dapat digunakan.

PROGRAM 1 : PENTADBIRAN AM

Objektif - (a) Memberi khidmat sokongan dari segi pentadbiran am, pengurusan kewangan dan personel yang cekap dan berkesan kepada urus setia Majlis Raja-Raja; (b) Memberi khidmat mengumpul maklumat serta menyampaikan keputusan penetapan tarikh Awal Puasa, Hari Raya Puasa dan Hari Raya Korban dengan cepat dan teratur; dan (c) Memberi khidmat dalam pengurusan pentadbiran dan pelaksanaannya supaya Mesyuarat Majlis Raja-Raja dapat diadakan dengan teratur, lancar dan sempurna.

PRESTASI AKTIVITI

Output	**2002 (Sebenar)**	**2003 (Anggaran)**	**2004 (Anggaran)**
Penyediaan baucar tuntutan/bayaran pentadbiran dan elaun Mesyuarat Majlis Raja-Raja	336	300	300
Menguruskan ketibaan dan keberangkatan balik DDYMM/TTYT menghadiri Mesyuarat Majlis Raja-Raja dan lain-lain urusan	330	300	300
Menguruskan kenderaan Kumpulan Kerajaan daripada JKR untuk kegunaan Mesyuarat Majlis Raja-Raja	3	3	3
Menyelaras Jawatankuasa Melihat Anak Bulan	3	3	3
Menyelaras dan menyampaikan keputusan penetapan tarikh	3	3	3

Butiran	*Program/Aktiviti*	*Kod (Objek Am)*	*Anggaran 2003*	*Anggaran 2004*	*Bil. Jawatan 2003*	*2004*
			RM	*RM*		
	ANGGARAN PERBELANJAAN PEJABAT PENYIMPAN MOHOR BESAR RAJA-RAJA					
10000	Emolumen		336,400	**349,900**	11	**11**
20000	Perkhidmatan dan Bekalan		992,600	**968,280**		
30000	Aset		8,300	**12,200**		
40000	Kenaan Bayaran Tetap dan Pemberian		0	**73,720**		
	JUMLAH ANGGARAN PERBELANJAAN MENGURUS PENYIMPAN MOHOR BESAR RAJA-RAJA		**1,337,300**	**1,404,100**		
010000	**PENTADBIRAN AM**	... ...	1,337,300	**1,404,100**		
		10000	336,400	**349,900**	11	**11**
		20000	992,600	**968,280**		
		30000	8,300	**12,200**		
		40000	0	**73,720**		
	JUMLAH ANGGARAN PERBELANJAAN MENGURUS		1,337,300	**1,404,100**		

JABATAN AUDIT NEGARA

Maksud Bekalan 03

OBJEKTIF


Menentukan wujudnya akauntabiliti dalam pengurusan wang awam melalui pengauditan Penyata Kewangan dan aktiviti Kerajaan Persekutuan, Negeri, Badan-badan Berkanun dan Agensi-agensi lain Kerajaan tertakluk kepada Akta Audit 1957 dan mengemukakan laporan yang bebas kepada Parlimen dan Badan-badan Perundangan Negeri.

PELANGGAN

(i) Ahli Parlimen;

(ii) Badan-badan Perundangan; dan

(iii) Agensi-agensi Kerajaan Persekutuan dan Negeri.



Mengurus RM	Pembangunan RM		Jumlah RM
	Cara Langsung	Pinjaman	
66,523,500	0	0	66,523,500

STRATEGI

(i) Mengemaskinikan Manual Audit, Manual Kualiti, Prosedur Kualiti dan Arahan Kerja;

(ii) Meningkatkan penggunaan komputer dalam kerja-kerja pengauditan dan menetapkan nisbah perolehan komputer seimbang dengan bilangan pegawai dan kakitangan Audit dalam jangka masa yang ditetapkan;

(iii) Meningkatkan program-program latihan bagi pegawai dan kakitangan Audit, khususnya dalam bidang auditan prestasi, perakaunan dan auditan berkomputer sama ada di dalam atau luar negeri; dan

(iv) Meneruskan rancangan pengauditan akaun-akaun Badan-badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan secara kontrak kepada Juruaudit Swasta, di mana perlu.

PROGRAM 1 : SEKTOR PENGURUSAN KORPORAT

Objektif - Untuk membentuk dasar supaya matlamat dan sasaran kerja Jabatan Audit Negara dapat dicapai dan dilaksanakan dengan cekap dan berkesan di samping membentuk dan melahirkan pegawai audit yang terlatih, cekap, mahir dan berwibawa dalam menjalankan kerja-kerja auditan.

Aktiviti 1 : Pengurusan

Objektif - Untuk melicinkan pelaksanaan aktiviti-aktiviti Jabatan Audit dengan memberi perkhidmatan sokongan yang cekap dan berkesan melalui pengagihan kewangan dan sumber-sumber tenaga anggota secara optimum.

PRESTASI AKTIVITI

Output	**2002 (Sebenar)**	**2003 (Anggaran)**	**2004 (Anggaran)**
Pengisian kekosongan Jawatan	126	321	83
Kenaikan Pangkat Anggota	83	91	100

Aktiviti 2 : Teknologi Maklumat dan Latihan

Objektif - Meningkatkan kecekapan anggota audit dalam pengauditan sistem kewangan Kerajaan melalui penggunaan peralatan dan sistem komputer. Di samping itu, Bahagian ini juga merancang infrastruktur rangkaian serta mengurus rancangan pengkomputeran Jabatan Audit Negara.

PRESTASI AKTIVITI

Output	**2002 (Sebenar)**	**2003 (Anggaran)**	**2004 (Anggaran)**
Memberi khidmat nasihat IT	-	50	50
Mesyuarat pengkomputeran Jabatan	-	100	100
Penyelenggaraan peralatan komputer dan *network*	-	800	1000

Aktiviti 3 : Penyelidikan dan Latihan

Objektif - Untuk membentuk dan melahirkan pegawai-pegawai audit yang terlatih, cekap dan mahir dalam melaksanakan kerja-kerja pengauditan dan membantu pihak pengurusan dalam perancangan dan penggubalan dasar-dasar Jabatan.

PRESTASI AKTIVITI

Output	2002 (Sebenar)	2003 (Anggaran)	2004 (Anggaran)
Kursus dalam negeri	38	63	68
Kursus luar negara	6	6	6
Bil. Manual Audit dikemaskinikan	1	1	1
Bil. pengumpulan dan penyebaran pelbagai maklumat yang semasa dan terkini	1	1	1
Kerja pengauditan	1	1	1

PROGRAM 2 : AUDITAN AKAUN PERSEKUTUAN

Objektif - Untuk memberi laporan dan pengesahan terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan.

Aktiviti 1 : Pengauditan Akaun Kerajaan Persekutuan

Objektif - Mengaudit dan melaporkan kepada Parlimen tentang Akaun dan Aktiviti-Aktiviti Kementerian/Jabatan Persekutuan.

PRESTASI AKTIVITI

Output	2002 (Sebenar)	2003 (Anggaran)	2004 (Anggaran)
Pengesahan akaun	1	1	1
Kajian audit	41	23	21
Pengurusan kewangan	198	97	130
Auditan Kewangan/Akaun Amanah/Pinjaman/Kumpulan Wang Amanah/Lain-lain Kumpulan Wang	266	266	266
Laporan Audit	1	1	1

PROGRAM 3 : SEKTOR AUDIT KERAJAAN NEGERI

Objektif - Untuk memberi laporan dan pengesahan terhadap Penyata Kewangan Kerajaan-Kerajaan Negeri, Badan-badan Berkanun Negeri, Majlis-Majlis Agama Islam dan Pihak Berkuasa Tempatan.

Aktiviti 1 : Pengauditan Kerajaan Negeri

Objektif - Mengaudit dan melaporkan kepada Dewan Undangan Negeri dan Parlimen tentang Akaun Kerajaan-kerajaan Negeri.

PRESTASI AKTIVITI

Output	2002 (Sebenar)	2003 (Anggaran)	2004 (Anggaran)
Sijil dan Laporan	13	13	13

Aktiviti 2 : Pengauditan Akaun Badan Berkanun Negeri dan Majlis Agama Islam

Objektif - Mengaudit dan melaporkan kepada Dewan Undangan Negeri tentang akaun Badan-badan Berkanun Negeri dan Majlis-Majlis Agama Islam.

PRESTASI AKTIVITI

Output	2002 (Sebenar)	2003 (Anggaran)	2004 (Anggaran)
Akaun Badan Berkanun Negeri disahkan	121	190	180
Akaun Majlis Agama Islam disahkan	22	22	20

Aktiviti 3 : Pengauditan Akaun Pihak Berkuasa Tempatan

Objektif - Mengaudit dan melaporkan kepada Dewan Undangan Negeri tentang Akaun Pihak Berkuasa Tempatan.

PRESTASI AKTIVITI

Output	2002 (Sebenar)	2003 (Anggaran)	2004 (Anggaran)
Sijil dan Laporan	141	180	165

PROGRAM 4 : SEKTOR AUDIT BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN

Aktiviti 1 : Pengauditan Akaun Badan-badan Berkanun Persekutuan

Objektif - Mengaudit dan melaporkan kepada Parlimen tentang Akaun Badan-badan Berkanun Persekutuan dan Kumpulan Wang-Kumpulan Wang Persekutuan.

PRESTASI AKTIVITI

Output	2002 (Sebenar)	2003 (Anggaran)	2004 (Anggaran)
Bil. akaun diperakui	101	100	100
Bil. akaun diaudit oleh anggota Jabatan dan semak semula	24	23	23
Bil. akaun diaudit oleh Firma Audit Swasta dan disemak semula	77	77	77
Bil. kajian dijalankan serta dilaporkan	5	5	5
Bil. lawatan audit dijalankan serta dilaporkan	20	20	21

ANGGARAN PERBELANJAAN MENGURUS BAGI TAHUN 2004

Kod (Objek Am)	*Jenis Perbelanjaan*	*Peruntukan Asal Tahun 2003 RM*	*Anggaran Tahun 2004 RM*
10000	Emolumen	40,716,300	**43,949,250**
20000	Perkhidmatan dan Bekalan	19,178,600	**20,935,300**
30000	Aset	3,437,900	**1,615,950**
40000	Kenaan Bayaran Tetap dan Pemberian	8,000	**8,000**
50000	Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	15,000	**15,000**
JUMLAH ANGGARAN PERBELANJAAN MENGURUS		63,355,800	**66,523,500**

Butiran	*Program/Aktiviti*	*Kod (Objek Am)*	*Anggaran 2003*	***Anggaran 2004***	*Bil. Jawatan 2003*	***Bil. Jawatan 2004***
			RM	***RM***		
010000	**SEKTOR PENGURUSAN KORPORAT**		27,294,300	**29,809,800**		
		10000	7,833,300	**10,408,550**	356	**356**
		20000	16,000,100	**17,762,300**		
		30000	3,437,900	**1,615,950**		
		40000	8,000	**8,000**		
		50000	15,000	**15,000**		
010100	Bahagian Pengurusan	... ...	19,708,700	**22,178,300**		
		10000	5,526,400	**8,055,750**	247	**247**
		20000	10,721,400	**12,483,600**		
		30000	3,437,900	**1,615,950**		
		40000	8,000	**8,000**		
		50000	15,000	**15,000**		
010200	Bahagian Penyelidikan dan Komunikasi	... ...	505,200	**511,900**		
		10000	338,700	**345,400**	65	**65**
		20000	166,500	**166,500**		
010300	Bahagian Teknologi Maklumat dan Latihan					
		... ...	7,080,400	**7,119,600**		
		10000	1,968,200	2,007,400	44	**44**
		20000	5,112,200	5,112,200		
020000	**AUDITAN AKAUN KERAJAAN PERSEKUTUAN**	... ...	22,512,300	**17,838,300**		
		10000	20,363,000	**16,350,100**	540	**540**
		20000	2,149,300	**1,488,200**		
020100	Bahagian Pengauditan Akaun Kerajaan Persekutuan	... ...	17,517,700	**17,838,300**		
		10000	16,029,500	**16,350,100**	540	**540**
		20000	1,488,200	**1,488,200**		
020200	Bahagian Pengauditan Akaun Badan Berkanun Persekutuan	... ...	4,994,600	**0**		
		10000	4,333,500	**0**	0	**0**
		20000	661,100	**0**		
030000	**SEKTOR AUDIT KERAJAAN NEGERI**	... ...	13,549,200	**13,799,600**		
		10000	12,520,000	**12,770,400**	445	**445**
		20000	1,029,200	**1,029,200**		
030100	Bahagian Pengauditan Kerajaan Negeri	... ...	9,464,500	**9,638,600**		
		10000	8,702,200	**8,876,300**	315	**315**
		20000	762,300	**762,300**		
030200	Bahagian Pengauditan Akaun Badan Berkanun Negeri dan Majlis Agama Islam	... ...	2,105,700	**2,145,300**		
		10000	1,982,600	**2,022,200**	70	**70**
		20000	123,100	**123,100**		
030300	Bahagian Pengauditan Akaun Pihak Berkuasa Persekutuan	... ...	1,979,000	**2,015,700**		
		10000	1,835,200	**1,871,900**	60	**60**
		20000	143,800	**143,800**		
040000	**SEKTOR AUDIT BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN**	... ...	0	**5,075,800**		
		10000	0	**4,420,200**	191	**191**
		20000	0	**655,600**		
040100	Bahagian Pengauditan Akaun Badan Berkanun Persekutuan	... ...	0	**5,075,800**	191	**191**
		10000	0	**4,420,200**		
		20000	0	**655,600**		
	JUMLAH ANGGARAN PERBELANJAAN MENGURUS		63,355,800	**66,523,500**	1,314	**1,341**

SURUHANJAYA PILIHAN RAYA


Maksud Bekalan 04

OBJEKTIF

Merancang dan mengendalikan sistem pilihan raya dengan adil, cekap dan telus bagi memelihara dan mengekalkan sistem pemerintahan demokrasi berparlimen di Malaysia.

PELANGGAN

Parlimen dan Rakyat Malaysia.



Mengurus RM	Pembangunan RM		Jumlah RM
	Cara Langsung	Pinjaman	
29,366,600	0	0	29,366,600

STRATEGI

(i) Menjalankan gerakan pendaftaran pemilihan secara bersepadu bagi mendaftarkan warganegara yang telah layak sebagai pemilih, bagi menyediakan daftar pemilih yang kemas kini, bersih dan lengkap;

(ii) Mengadakan kempen dan publisiti besar-besaran untuk meningkatkan kesedaran orang ramai terhadap tanggungjawab mereka untuk mendaftar sebagai pemilih dan keluar mengundi apabila pilihan raya umum atau pilihan raya kecil diadakan; dan

(iii) Mengkaji semula dan meminda undang-undang, akta, peraturan, prosedur dan proses pendaftaran pemilih serta pilihan raya supaya urusan pendaftaran pemilih dan perjalanan pilihan raya dapat dikendalikan dengan lebih mudah, cekap dan licin.

PROGRAM 1 : URUSAN PILIHAN RAYA

Objektif - Merancang dan seterusnya mengendalikan sistem pilihan raya yang adil, cekap dan telus bagi memelihara dan mengekalkan sistem pemerintahan demokrasi di Malaysia.

Aktiviti 1 : Pengurusan

Objektif - Menyedia dan memberikan khidmat sokongan dari segi pengurusan personel, kewangan dan bekalan yang mencukupi bagi memastikan dasar dan keputusan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) dapat dilaksanakan dengan cekap dan berkesan.

PRESTASI AKTIVITI

Output	2002 (Sebenar)	2003 (Anggaran)	2004 (Anggaran)
Bil. baucar bayaran disediakan	5,840	7,473	9,934
Bil. pesanan tempatan dikeluarkan	1,486	2,091	3,088
Bil. tuntutan perjalanan diproses	2,411	3,172	4,929
Bil. bil/invois dibayar	2,489	3,277	4,290
Bil. perubahan gaji disediakan	645	780	879

Aktiviti 2 : Operasi

Objektif - Melaksanakan perjalanan Pilihan Raya Umum dan Pilihan Raya Kecil, mendaftar, menyemak, menyedia dan mengeluarkan senarai daftar pemilih yang kemas kini dan bersih. Mengkaji semula dan mencadang pindaan Undang-Undang, Akta-akta, Peraturan Pendaftaran Pemilih dan Peraturan Pilihan Raya dari semasa ke semasa.

PRESTASI AKTIVITI

Output	2002 (Sebenar)	2003 (Anggaran)	2004 (Anggaran)
Pendaftaran pemilih baru	103,305	500,000	500,000
Pilihan Raya Umum Negara	-	-	219
Parlimen	-	-	219
DUN Semenanjung	-	-	445
Pilihan Raya Kecil	5	12	12

ANGGARAN PERBELANJAAN MENGURUS BAGI TAHUN 2004

Kod (Objek Am)	*Jenis Perbelanjaan*	*Peruntukan Asal Tahun 2003 RM*	*Anggaran Tahun 2004 RM*
10000	Emolumen	8,480,900	**10,088,600**
20000	Perkhidmatan dan Bekalan	17,740,800	**19,274,000**
30000	Aset	135,000	**0**
40000	Kenaan Bayaran Tetap dan Pemberian	3,000	**4,000**
JUMLAH ANGGARAN PERBELANJAAN MENGURUS		26,359,700	**29,366,600**

Butiran	*Program/Aktiviti*	*Kod (Objek Am)*	*Anggaran 2003*	*Anggaran 2004*	*Bil. Jawatan 2003*	*2004*
			RM	*RM*		
010000	**URUSAN PILIHAN RAYA**	... ...	26,359,700	**27,766,600**		
		10000	8,480,900	**10,063,600**	415	**415**
		20000	17,740,800	**17,699,000**		
		30000	135,000	**0**		
		40000	3,000	**4,000**		
010100	Pengurusan	... ...	10,086,500	**13,320,000**		
		10000	4,211,100	**5,386,400**	212	**212**
		20000	5,739,400	**7,931,600**		
		30000	135,000	**0**		
		40000	1,000	**2,000**		
010200	Operasi	... ...	16,273,200	**14,446,600**		
		10000	4,269,800	**4,677,200**	203	**203**
		20000	12,001,400	**9,767,400**		
		40000	2,000	**2,000**		
030000	**"ONE-OFF"**	... ...	0	**1,600,000**		
		10000	0	**25,000**		
		20000		**1,575,000**		
030100	Pilihan Raya Kecil	... ...	0	**1,000,000**		
		10000	0	**25,000**		
		20000	0	**975,000**		
030200	Petisyen Pilihan Raya/Bayaran Mahkamah	... ...	0	**500,000**		
		20000	0	**500,000**		
030300	Bertugas Di Luar Negara	... ...	0	**100,000**		
		20000		**100,000**		
	JUMLAH ANGGARAN PERBELANJAAN MENGURUS		26,359,700	**29,366,600**	415	**415**

SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM

Maksud Bekalan 05

OBJEKTIF

Untuk memenuhi keperluan kakitangan bagi Perkhidmatan Awam Persekutuan dan Perkhidmatan-Perkhidmatan Awam Negeri di bawah bidang kuasanya dengan cara pantas dan teratur serta menentukan segala urusan mengenai perkhidmatan, kawalan tatatertib berjalan dengan cepat dan kemas memenuhi peraturan dan pertimbangan yang adil dan bijaksana.


PELANGGAN

(i) Semua Agensi Kerajaan di peringkat Persekutuan;

(ii) Kerajaan Negeri Sembilan, Pulau Pinang, Melaka dan Perlis;

(iii) Anggota Perkhidmatan Awam; dan

(iv) Orang ramai.



Mengurus RM	Pembangunan RM		Jumlah RM
	Cara Langsung	Pinjaman	
29,949,200	0	0	29,949,200

STRATEGI

(i) Merancang untuk meneruskan kesinambungan dasar serta pelan yang telah dilaksanakan dalam tahun kewangan 2002 dan 2003. Antara dasar yang akan menjadi tumpuan ialah pembangunan sumber manusia dan juga pembudayaan *IT*;

(ii) Merancang untuk melaksanakan Rancangan Penilaian Program setelah lima (5) tahun pelaksanaan Sistem Bajet Diubahsuai (MBS). Di bawah rancangan penilaian ini, pencapaian Aktiviti-aktiviti atau Program-program yang telah dilaksanakan sebelum ini hendaklah dikaji semula sama ada benar-benar mencapai objektif yang telah ditetapkan sebelum ini; dan

(iii) Meneruskan usaha-usaha memperkukuhkan sistem kualiti berasaskan *standard MS ISO 9002*. Seiring dengan ini, program-program pembaharuan yang sedang dilaksanakan terus dipergiatkan.

PROGRAM 1 : URUSAN PERSONEL DAN PERKHIDMATAN AWAM

Objektif – Menentukan semua urusan berkaitan dengan tugas dan tanggungjawab Suruhanjaya iaitu melantik, mengesahkan dalam perkhidmatan, memasukkan ke dalam jawatan tetap dan jawatan berpencen, menaikkan pangkat, menukar dan menjalankan kawalan tatatertib dilaksanakan dengan efisien dan berkualiti.

Aktiviti 1 : Pengurusan

Objektif - Memberi khidmat sokongan dan dari segi pentadbiran am, pengurusan kewangan dan pengurusan personel yang cekap dan berkesan kepada semua Bahagian di urus setia Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dan Ahli-ahli Suruhanjaya.

PRESTASI AKTIVITI

Output	2002 (Sebenar)	2003 (Anggaran)	2004 (Anggaran)
Bil. baucar bayaran disediakan	6,278	2,000	2,000
Bil. Pendahuluan diri disediakan	503	240	240

Aktiviti 2 : Perkhidmatan

Objektif - Melaksanakan urusan perkhidmatan anggota perkhidmatan awam dengan cepat, tepat dan teratur bagi memastikan anggota yang berkelayakan menikmati kemudahan-kemudahan yang diperuntukkan oleh Kerajaan dari semasa ke semasa.

PRESTASI AKTIVITI

Output	2002 (Sebenar)	2003 (Anggaran)	2004 (Anggaran)
Pengesahan lantikan	11,408	12,000	12,000
Pengesahan dalam perkhidmatan	10,349	11,000	11,000
Pemberian taraf berpencen	5,582	5,000	5,000
Pertukaran perkhidmatan/pinjaman	219	250	250
Perlanjutan tempoh percubaan	594	900	1,000

Aktiviti 3 : Naik Pangkat dan Tatatertib

Objektif - Menyelenggarakan urusan kenaikan pangkat, rayuan kenaikan pangkat, tindakan tatatertib dan rayuan tatatertib dengan cara yang teratur dan adil bagi menjamin wujudnya anggota-anggota Perkhidmatan Awam yang dapat menjalankan tanggungjawab berdasarkan teras perkhidmatan cemerlang.

PRESTASI AKTIVITI

Output	2002 (Sebenar)	2003 (Anggaran)	2004 (Anggaran)
Bil. urusan kenaikan pangkat yang diselesaikan	3	2	2
Bil. urusan rayuan kenaikan pangkat yang diputuskan	31	25	25
Bil. kes tatatertib/tahan kerja/gantung kerja	16	25	25
Bil. kes rayuan tatatertib	72	120	120

Aktiviti 4 : Teknologi Maklumat

Objektif - Mereka bentuk, membangun dan menyelenggarakan Sistem Aplikasi Pengambilan (SMSM), Sistem Aplikasi Perkhidmatan (SPDM), Sistem Internet, Tele SPA dan sistem-sistem aplikasi lain; dan menyedia laporan-laporan yang kemas kini, tepat dan mengikut jadual bagi membolehkan pengurusan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam membuat keputusan.

PRESTASI AKTIVITI

Output	2002 (Sebenar)	2003 (Anggaran)	2004 (Anggaran)
Bil. sistem aplikasi yang dibangunkan	3	2	1
Bil. sistem yang diselenggarakan	7	10	12
Bil. sistem komputer yang diselenggarakan	11	13	13
Bil. Laporan SMSM yang dikeluarkan	300,000	500,000	800,000
Bil. Laporan SPDM yang dikeluarkan	450	450	450

Aktiviti 5 : Pengambilan

Objektif - Menyediakan infrastruktur serta membantu dalam memberi khidmat sokongan kepada Suruhanjaya dalam menjalankan urusan pengambilan dan lantikan ke Perkhidmatan Awam supaya berjalan dengan lebih kemas, teratur dan pantas serta memenuhi kehendak dan keperluan pelanggan.

PRESTASI AKTIVITI

Output	2002 (Sebenar)	2003 (Anggaran)	2004 (Anggaran)
Bil. skim perkhidmatan diproses	250	280	300
Calon yang diperakukan/ditawarkan	5,197	5,700	6,300

Maksud Bekalan 5 - **SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM** **B.5**

Pegawai Pengawal: **SETIAUSAHA, SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM**

ANGGARAN PERBELANJAAN MENGURUS BAGI TAHUN 2004

Kod (Objek Am)	*Jenis Perbelanjaan*	*Peruntukan Asal Tahun 2003 RM*	*Anggaran Tahun 2004 RM*
10000	Emolumen	10,009,300	**10,170,600**
20000	Perkhidmatan dan Bekalan	17,494,200	**19,778,000**
30000	Aset	700,000	**100**
40000	Kenaan Bayaran Tetap dan Pemberian	500	**500**
JUMLAH ANGGARAN PERBELANJAAN MENGURUS		28,204,000	**29,949,200**

Butiran	*Program/Aktiviti*	*Kod (Objek Am)*	*Anggaran 2003*	*Anggaran 2004*	*Bil. Jawatan 2003*	*Bil. Jawatan 2004*
			RM	*RM*		
010000	**URUSAN PERSONEL DAN PERKHIDMATAN AWAM**	... ...	28,204,000	**29,899,200**		
		10000	10,009,300	**10,170,600**	427	**427**
		20000	17,494,200	**19,728,000**		
		30000	700,000	**100**		
		40000	500	**500**		
010100	Bahagian Pengurusan	... ...	14,742,200	**14,384,100**		
		10000	2,030,200	**2,006,662**	82	**82**
		20000	12,011,500	**12,376,838**		
		30000	700,000	**100**		
		40000	500	**500**		
010200	Bahagian Perkhidmatan	... ...	1,603,000	**1,632,500**		
		10000	1,469,400	**1,498,828**	66	**66**
		20000	133,600	**133,672**		
010300	Naik Pangkat dan Tatatertib	... ...	601,400	**612,300**		
		10000	544,100	**555,000**		
		20000	57,300	**57,300**	15	**15**
010400	Bahagian Teknologi Maklumat	... ...	4,128,800	**5,102,800**		
		10000	1,335,800	**1,362,460**		
		20000	2,793,000	**3,740,340**	53	**53**
010500	Bahagian Pengambilan	... ...	4,363,700	**5,472,900**		
		10000	3,106,100	**3,168,180**		
		20000	1,257,600	**2,304,720**	151	**151**
010600	Urusetia Cawangan Sabah	... ...	1,291,200	**1,426,200**		
		10000	715,000	**779,970**		
		20000	576,200	**646,230**	29	**29**
010700	Urusetia Cawangan Sarawak	... ...	1,473,700	**1,268,400**		
		10000	808,700	**799,500**		
		20000	665,000	**468,900**	31	**31**
020000	**"ONE-OFF"**	... ...	0	**50,000**		
		20000	0	**50,000**		
020100	Bertugas Di Luar Negara	... ...	0	**50,000**		
		20000	0	**50,000**		
	JUMLAH ANGGARAN PERBELANJAAN MENGURUS		28,204,000	**29,949,200**	427	**427**

JABATAN PERDANA MENTERI

Maksud Bekalan/Pembangunan 06


OBJEKTIF

Menentukan segala urusan Pentadbiran, Kewangan, Pengurusan Sumber Manusia, Istiadat dan Selenggaraan dilaksanakan mengikut peraturan-peraturan dan arahan-arahan dari semasa ke semasa demi untuk melicinkan Pentadbiran Negara.

PELANGGAN

(i) Kementerian dan Jabatan; dan

(ii) Kabinet.



Mengurus RM	Pembangunan RM		Jumlah RM
	Cara Langsung	Pinjaman	
1,712,922,600	2,077,570,630	0	3,790,493,230

STRATEGI

Program ini mengamalkan jimat cermat di samping mempertingkatkan keupayaan dan penghasilan kerja yang tinggi dengan tenaga kerja yang sederhana. Program ini juga melaksanakan aktiviti selaras dengan objektif dan meneruskan perkhidmatan sokongan.

PROGRAM 1 : PENTADBIRAN

Objektif – Memberi perkhidmatan sokongan termasuk Pentadbiran, Kewangan, Pengurusan Sumber Manusia, Keselamatan, Sosial dan lain-lain kepada warga Jabatan Perdana Menteri dengan cekap dan berkesan mengikut aturan dan arahan yang telah ditetapkan.

Aktiviti 1 : Pengurusan Perkhidmatan dan Sumber Manusia

Objektif - Menentukan segala urusan hal-ehwal Pentadbiran, Kewangan, Pengurusan Sumber Manusia, Belanjawan, Sukan dan segala urusan Pejabat Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri, Menteri-Menteri dan Timbalan-Timbalan Menteri dilaksanakan dengan cekap dan baik mengikut peraturan-peraturan dan arahan-arahan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa demi memudahkan pencapaian objektif Jabatan.

PRESTASI AKTIVITI

Output	2002 (Sebenar)	2003 (Anggaran)	2004 (Anggaran)
Bil. pelupusan barang-barang	150	150	100
Bil. surat-surat diterima	14,970	14,990	14,990
Bil. permohonan pertambahan jawatan	30	36	40
Bil. mengurus, memproses dan mengeluarkan Pas Rasmi/Lawatan Negara	9,850	12,000	14,500
Bil. penyelarasan penyediaan belanjawan pembangunan tahunan	26	28	28

Aktiviti 2 : Kabinet, Perlembagaan dan Perhubungan Antara Kerajaan

Objektif - Memberi khidmat yang cekap, berkualiti dan berkesan kepada Jemaah Menteri, Jawatankuasa-Jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Y. Bhg. Ketua Setiausaha Negara dan lain-lain Jawatankuasa serta memberi khidmat sokongan dalam pelaksanaan keputusan-keputusan Kerajaan.

PRESTASI AKTIVITI

Output	2002 (Sebenar)	2003 (Anggaran)	2004 (Anggaran)
Jemaah Menteri dan mesyuarat yang dipengerusikan oleh KSN	48	48	50
Mesyuarat Jawatankuasa Perhubungan Antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri	4	4	4
Takwim Parlimen	3	3	3
Mesyuarat Jawatankuasa Pegawai Bagi Menyedia Titah DiRaja	2	2	2
Mesyuarat Jawatankuasa Pegawai Mengenai Pindaan Perlembagaan Persekutuan	0	1	1

Aktiviti 3 : Lembaga Penasihat

Objektif - Untuk menimbangkan rayuan dan mengulang kaji kes-kes orang tahanan yang ditahan dan menentukan sama ada orang-orang tahanan tersebut dapat dipertimbangkan pembebasan atau terus ditahan.

PRESTASI AKTIVITI

Output	2002 (Sebenar)	2003 (Anggaran)	2004 (Anggaran)
Rayuan/kes-kes Akta Dadah Berbahaya	2,396	3,176	3,720
Rayuan/kes-kes Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah)	431	590	750
Rayuan/kes-kes Akta Keselamatan Dalam Negeri	320	459	545

Aktiviti 4 : Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan

Objektif **-** Mempertingkatkan tahap kesedaran aspek keselamatan perlindungan fizikal, dokumen dan peribadi di kalangan penjawat awam bagi mengelakkan pelanggaran keselamatan; dan memastikan kawalan terhadap pepasangan-pepasangan penting di sektor awam mahupun swasta termasuk Kawasan Larangan dan Tempat Larangan seiring dengan teknologi terkini.

PRESTASI AKTIVITI

Output	2002 (Sebenar)	2003 (Anggaran)	2004 (Anggaran)
Laporan Pemeriksaan Keselamatan	2,500	3,800	4,500
Sijil Kelulusan Tapisan Keselamatan (Halus dan Kasar)	7,000	15,012	16,500
Khidmat nasihat	9,000	2,011	2,500
Kursus/taklimat/ceramah dan peperiksaan dan perkhidmatan	300	400	420
Penerbitan percetakan	40,000	49,000	50,000

Aktiviti 5 : Biro Tatanegara

Objektif - (a) Mempertingkatkan komitmen rakyat kepada wawasan negara dan usaha-usaha ke arah kecemerlangan; (b) Mempersiap rakyat supaya menunjangi dasar-dasar negara ke arah pembangunan demi kesejahteraan bangsa; (c) Membina kemampuan rakyat menghadapi cabaran dan memperkasa keupayaan meningkatkan daya saing dalam segenap bidang kehidupan; (d) Membina keupayaan rakyat Malaysia menangani kelemahan, meningkatkan keyakinan menerokai pembaharuan dan sekali gus mampu mengenal pasti dan menggembleng kekuatan ke arah kemajuan; (e) Membina komitmen rakyat Malaysia terhadap tugas dan tanggungjawab ke arah mencapai kecemerlangan dan kesempurnaan perlaksanaan amanah dan tanggungjawab; dan (f) Membina semangat patriotisme dan ketaatan yang tinggi terhadap negara dan perjuangan bangsa.

PRESTASI AKTIVITI

Output	2002 (Sebenar)	2003 (Anggaran)	2004 (Anggaran)
Kursus Kenegaraan SSM	-	-	2,079
Kursus Bina Negara Perdana	2	2	4
Kursus Bina Negara Sahabat	6	6	168
Seminar Bina Negara	745	604	234
Seminar Bina Negara Mahasiswa	124	27	

Aktiviti 6 : Istiadat dan Urus Setia Persidangan Antarabangsa

Objektif **-** Menjadi Agensi yang unggul di dalam pengurusan Adat Istiadat dan Protokol Negara, Penganugerahan Darjah Kebesaran, Lawatan dan Persidangan Antarabangsa berteraskan kepada kecemerlangan kerja yang berkualiti.

PRESTASI AKTIVITI

Output	**2002 (Sebenar)**	**2003 (Anggaran)**	**2004 (Anggaran)**
Pengurusan pentadbiran	27,032	28,000	28,000
Bantuan protokol semasa lawatan rasmi	46	46	46
Penganugerahan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Persekutuan	2,095	2,000	2,000
Memberi khidmat nasihat mengenai adat istiadat dan protokol	160	170	170
Membekal kenderaan semasa lawatan pembesar negara	240	280	280

Aktiviti 7 : Sistem Maklumat Pengurusan Ketua Eksekutif

Objektif - Menyediakan sistem maklumat rujukan dan sistem pengurusan pejabat yang berintegrasi serta meningkatkan keupayaan penggunaan ICT di kalangan pengguna Sistem Maklumat Pengurusan Ketua Eksekutif (SMPKE).

PRESTASI AKTIVITI

Output	**2002 (Sebenar) (%)**	**2003 (Anggaran) (%)**	**2004 (Anggaran) (%)**
Peningkatan peraturan penggunaan SMPKE oleh pengguna	90	90	90
Peningkatan permohonan kemudahan oleh pengguna baru	10	10	10
Tahap keberkesanan latihan kepada pengguna	85	85	85
Pengurangan sistem *down time*	5	5	3
Tahap kepuasan pengguna	75	85	85

PROGRAM 2 : UNIT PERANCANG EKONOMI

Objektif - Merangka dasar strategi dan program Pembangunan Ekonomi Negara bagi jangka masa sederhana dan jangka masa panjang. UPE juga memberi nasihat dan perakuan kepada Kerajaan berhubung dengan isu-isu pembangunan ekonomi.

Aktiviti 1 : Pentadbiran

Objektif - Aktiviti ini bertanggungjawab membantu UPE mencapai objektif melalui khidmat sokongan dari segi pentadbiran, perkhidmatan personel, pengurusan kewangan, pengurusan sumber maklumat dan khidmat keurusetiaan dengan cekap dan berkesan.

PRESTASI AKTIVITI

Output	2002 (Sebenar)	2003 (Anggaran)	2004 (Anggaran)
Bil. baucar bayaran yang disediakan	10,000	12,000	15,000
Bil. pinjaman kenderaan/komputer yang diproses	40	50	55
Bil. tempahan tiket	500	600	750
Bil. kursus komputer yang dikelolakan	20	25	30
Bil. penyediaan bahan taklimat	20	25	28

Aktiviti 2 : Perancangan Makro

Objektif - Aktiviti Perancangan Makro ini bertanggungjawab merangka dan menilai dasar dan strategi pembangunan negara melalui pengurusan ekonomi makro, perancangan sumber (pembangunan mapan), pembangunan wilayah dan kerjasama antarabangsa selari dengan matlamat pembangunan negara dalam jangka sederhana dan jangka panjang.

PRESTASI AKTIVITI

Output	2002 (Sebenar)	2003 (Anggaran)	2004 (Anggaran)
Bil. laporan kertas kerja disediakan	10	15	15
Bil. analisis kertas laporan kajian dasar	8	15	15
Bil. taklimat kepada pelawat-pelawat yang diberikan	20	20	20

Aktiviti 3 : Perancangan Sektor

Objektif - Aktiviti ini bertanggungjawab merangka dasar, strategi dan program pembangunan ekonomi negara bagi jangka masa sederhana dan jangka masa panjang yang berkesan serta memberi nasihat dan perakuan kepada Kerajaan berhubung dengan isu-isu pembangunan ekonomi bagi memastikan dasar yang dilaksanakan adalah selaras dengan matlamat pertumbuhan ekonomi yang mapan di samping mengekalkan kestabilan sosioekonomi negara.

PRESTASI AKTIVITI

Output	2002 (Sebenar)	2003 (Anggaran)	2004 (Anggaran)
Bil. kertas ulasan/memorandum yang disediakan	10	10	10
Bil. taklimat diberikan	30	30	30
Bil. ulasan laporan tahunan Agensi Pertanian	120	140	140
Bil. penyediaan bahan taklimat	20	23	23

Aktiviti 4 : Jawatankuasa Pelaburan Asing (FIC)

Objektif - Aktiviti ini bertanggungjawab memproses semua permohonan dan mencadangkan pengambilan balik aset dan kepentingan mengikut kesesuaian dan pengambilalihan syarikat-syarikat serta memantau dan menilai aktiviti pelaburan supaya sejajar dengan objektif penyusunan semula ekuiti sektor korporat.

PRESTASI AKTIVITI

Output	2002 (Sebenar)	2003 (Anggaran)	2004 (Anggaran)
Bil. Mesyuarat FIC yang dikelolakan	20	15	15
Bil. kertas kerja FIC	1,200	1,200	1,225
Bil. pengumpulan Data Syarikat	1,450	1,500	1,500

Aktiviti 5 : Penswastaan

Objektif **-** Aktiviti ini bertanggungjawab merancang, menyelaras dan program penswastaan di peringkat Persekutuan dan Negeri serta menilai keupayaan projek penswastaan untuk memastikan keberkesanan pelaksanaannya.

PRESTASI AKTIVITI

Output	2002 (Sebenar)	2003 (Anggaran)	2004 (Anggaran)
Bil. projek yang diluluskan	30	35	35
Bil. kertas memorandum disediakan/dikaji	200	200	220

Aktiviti 6 : Ekonomi Makro dan Penilaian Program dan Projek

Objektif **-** Aktiviti ini bertanggungjawab merangka dasar dan strategi berkaitan dengan pendapatan negara, perbelanjaan, imbangan pembayaran dan akaun awam serta menyediakan rangka ekonomi makro bagi jangka sederhana dan panjang.

PRESTASI AKTIVITI

Output	2002 (Sebenar)	2003 (Anggaran)	2004 (Anggaran)
Bil. rangka kerja makro untuk RMK-8 dan RRJP3	10	10	10
Bil. laporan ekonomi semasa	20	20	25
Bil. kelulusan penyelidikan asing	85	90	90
Bil. Kertas Jemaah Menteri disediakan	15	15	15

PROGRAM 3 : UNIT PENYELARASAN PELAKSANAAN

Objektif - Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU JPM) ditubuhkan bagi mencapai objektifnya sebagai satu agensi pusat utama mengenai penyelarasan pelaksanaan program dan projek serta penilai pencapaian dasar dan strategi pembangunan negara berdasarkan misi berikut iaitu menjadi agensi pusat utama mengenai penyelarasan dan pemantauan pelaksanaan dasar, strategi, program dan projek pembangunan serta menyelesaikan isu-isu berkaitan; dan membuat kajian keberkesanan mengenai dasar, strategi, program dan projek supaya selaras dengan matlamat pembangunan negara.

Aktiviti 1 : Khas

Objektif - (a) Menjadi urus setia kepada Mesyuarat-Mesyuarat utama Jawatankuasa Peringkat Menteri dan ICU JPM; (b) Menyelaras, mengurus, memantau dan menilai pelaksanaan Projek Khas; (c) Memantau pelaksanaan mesyuarat-mesyuarat di Peringkat Negeri dan Dasar-Dasar Kerajaan selaras dengan keperluan ARAHAN NO.1, 2001; (d) Menyediakan Memorandum Jemaah Menteri dan Laporan Berkala mengenai pelaksanaan dasar dan keputusan Kerajaan; (e) Campur tangan (*Intervention*) pelaksanaan projek-projek bermasalah; dan (f) Melaksanakan tugas-tugas khas yang diarahkan oleh pelanggan-pelanggan utama ICU JPM.

PRESTASI AKTIVITI

Output	**2002 (Sebenar)**	**2003 (Anggaran)**	**2004 (Anggaran)**
Mesyuarat Pembangunan Negara (MPN)	1	2	2
Jawatankuasa Kerja Pembangunan Negara (JKPN)	6	12	12
Mesyuarat Pengarah-Pengarah Pembangunan ICU JPM	10	6	6
Mesyuarat Lembaga ICU JPM	12	24	24
J/Kuasa Kabinet Mengenai Pelaburan & Kemudahan Infrastruktur (JKPKI)	0	2	2

Aktiviti 2 : Operasi

Objektif - Menjadi agensi pusat utama bagi memantau pelaksanaan dasar, strategi, program dan projek pembangunan serta menyelesaikan isu-isu berkaitan supaya pelaksanaannya selaras dengan matlamat pembangunan negara dengan cekap dan berkesan.

PRESTASI AKTIVITI

Output	**2002 (Sebenar)**	**2003 (Anggaran)**	**2004 (Anggaran)**
Mesy. J/Kuasa Penyelarasan Projek Pembangunan Peringkat Negeri (JPPP)	12	12	12
Mesy. J/Kuasa Pasukan Petugas Peringkat Menteri bagi Mempertingkatkan Pelaksanaan Projek-Projek Pembangunan Luar Bandar	1	1	1
Menyediakan kertas-kertas laporan prestasi untuk Mesy. Jemaah Menteri, MPN,JKPN, Mesy. KSU dan Ketua Jabatan, Mesy. Ketua Jabatan Persekutuan	30	30	30
Menyediakan ulasan Kertas Jemaah Menteri dan Penyata Kewangan Laporan Tahunan Badan-Badan Berkanun	38	40	40
Memberi khidmat nasihat teknikal dalam pelaksanaan projek- projek pembangunan	716	716	716

Aktiviti 3 : Pengurusan

Objektif - Aktiviti Pengurusan adalah berkaitan dengan pengurusan sumber manusia, sumber kewangan (peruntukan Belanja Mengurus dan Pembangunan), pentadbiran, meningkatkan pengetahuan berkenaan teknologi maklumat serta menguruskan pelbagai aktiviti melibatkan perhubungan awam.

PRESTASI AKTIVITI

Output	2002 (Sebenar)	2003 (Anggaran)	2004 (Anggaran)
Bil. Mesyuarat Pengurusan	3	4	4
Bil. laporan Mesyuarat Pagi	15	18	18
Bil. Mesyuarat Pos Lembaga	10	23	24
Bil. lawatan kerja pengurusan	3	15	15
Bil. ujian MUET	1	2	2

PROGRAM 4 : BAHAGIAN KESELAMATAN NEGARA

Objektif - Menentukan penyelarasan dasar-dasar yang berkaitan dengan keselamatan serta arahan langkah-langkah keselamatan pada keseluruhannya dikelolakan secara terancang dan berkesan demi mengekalkan kedaulatan, keselamatan dan kemakmuran negara.

Aktiviti 1 : Pentadbiran Am

Objektif - Memastikan Pejabat Bahagian Keselamatan Negara diberi khidmat sokongan dari segi kewangan, perkhidmatan dan perjawatan dengan cekap, teratur dan berkesan.

PRESTASI AKTIVITI

Output	2002 (Sebenar)	2003 (Anggaran)	2004 (Anggaran)
Bil. baucar pembayaran disediakan	1,700	1,800	1,800
Bil. pengeluaran Pesanan Tempatan dan Waran Perjalanan	700	800	800
Bil. pengurusan Akaun Amanah	60	300	300
Bil. pengurusan barang-barang pejabat	900	1,000	1,000
Bil. penyediaan Penyata Kewangan	600	300	300

Aktiviti 2 : Gerak Saraf/Perang Saraf

Objektif - Memastikan usaha-usaha secara terancang terhadap kumpulan sasar tertentu di dalam dan di luar negeri bagi mewujudkan kesan psikologi yang positif, selari dengan kepentingan keselamatan negara.

PRESTASI AKTIVITI

Output	2002 (Sebenar)	2003 (Anggaran)	2004 (Anggaran)
Bil. kertas kerja dan laporan isu	35	30	30
Bil. seminar/forum/kurikulum yang dianjurkan	4	2	2
Bil. taklimat/ceramah keselamatan negara	50	35	35
Bil. kem kepimpinan/pembentukan sikap	12	12	12

Aktiviti 3 : Urus Setia Bahagian Keselamatan Negara

Objektif - Memastikan tahap pengurusan krisis yang cekap dan berkesan semasa darurat supaya keadaan ketenteraman awam sentiasa terjamin dan perancangan serta pelaksanaan projek pembangunan sosioekonomi di kawasan sempadan dan peraturan perundangan berunsur keselamatan di mana berkaitan dapat diselaraskan dan diawasi secara bersepadu dan teratur.

PRESTASI AKTIVITI

Output	2002 (Sebenar)	2003 (Anggaran)	2004 (Anggaran)
Bil. latih amal anti Kerajaan	3	2	2
Bil. kertas-kertas laporan kemajuan projek-projek KESBAN/ SEDEC/SOSEK/MALINDO	20	24	24
Bil. Mesyuarat Jawatankuasa Perisikan Negara dan Kumpulan Kerja Perisikan Negara	3	4	4
Bil. kertas kerja/kertas ulasan mengenai dasar kelautan dan perairan negara	7	7	7
Bil. keurusetiaan mesyuarat GBC dan JPG	57	61	61

Aktiviti 4 : Pasukan Petugas Khas Persekutuan (S/L)

Objektif - Memastikan perancangan, penempatan dan pengusiran pendatang-pendatang luar negeri di Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan dilaksanakan secara terancang, terselaras dan berkesan demi menjamin kepentingan keselamatan negara.

PRESTASI AKTIVITI

Output	2002 (Sebenar)	2003 (Anggaran)	2004 (Anggaran)
Bil. J/K Penempatan dan Kebajikan yang dilantik	15	15	10
Bil. Aktiviti Gerak Saraf	27	49	56
Bil. Operasi Tanduk	0	48	36
Bil. Operasi Nyah II	172	15	36
Bil. Operasi Chungkil	144	15	72

Aktiviti 5 : Pusat Penyelaras Penguatkuasaan Maritim

Objektif - Memastikan peningkatan mutu penyelarasan penguatkuasaan undang-undang Maritim dan penglibatan unsur-unsur Maritim Negara dalam sebarang tugas maritim demi menjamin kedaulatan dan keselamatan kawasan Maritim Negara.

PRESTASI AKTIVITI

Output	2002 (Sebenar)	2003 (Anggaran)	2004 (Anggaran)
Bil. dialog dan penyelarasan mesyuarat	122	122	122
Bil. pengendalian latihan/operasi bersama	5	4	4
Bil. penyediaan prosedur tetap operasi	8	8	8
Bil. pengumpulan data/maklumat	15	15	15
Bil. penyelenggaraan sistem pengawasan laut	0	132	132

Aktiviti 6 : Keselamatan Negeri-negeri

Objektif - Memastikan keselamatan dan ketenteraman awam di peringkat Negeri terpelihara dari ancaman luar dan dalam negeri khususnya berkaitan isu-isu perkauman, sosial, agama, politik, ekonomi, kebudayaan, pendidikan, kesihatan, penyalahgunaan dadah, bencana alam/industri, penerbitan, pendatang asing, alam sekitar dan hak asasi manusia.

PRESTASI AKTIVITI

Output	2002 (Sebenar)	2003 (Anggaran)	2004 (Anggaran)
Bil. Mesyuarat J/K Kerja Keselamatan Negeri	122	122	122
Bil. Mesyuarat J/K Perancangan Gerakan Negeri	56	56	56
Bil. Mesyuarat J/K Pengurusan Bencana dan Banjir	56	56	56
Bil. Mesyuarat J/K Sempadan	16	16	16
Bil. aktiviti GSPS dan penerangan/taklimat keselamatan	402	402	402

Aktiviti 7 : RASCOM

Objektif - Meneruskan tugas-tugas keselamatan dan pembangunan sosioekonomi di Bahagian-bahagian Sibu, Sarikei dan Kapit.

PROGRAM 5 : JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA (JAKIM)

Objektif – Untuk memastikan ajaran Islam tersebar luas kepada seluruh masyarakat, membentuk kepimpinan yang berwibawa dan melahirkan tenaga pengurusan yang terlatih, berketerampilan, dedikasi dan berhemah serta menghasilkan sistem pengurusan berteraskan nilai dan etika Islam.

Aktiviti 1 : Pengurusan Am dan Keurusetiaan

Objektif - Untuk memberikan perkhidmatan pengurusan yang cekap dan berkesan kepada semua Bahagian di JAKIM.

PRESTASI AKTIVITI

Output	2002 (Sebenar)	2003 (Anggaran)	2004 (Anggaran)
Bil. baucar	6,934	7,068	7,500
Bil. Penyata Perubahan yang disediakan	1,400	1,500	1,700
Bil. kertas kerja disiapkan	25	28	30
Bil. minit mesyuarat yang disiapkan	225	236	240

Aktiviti 2 : Penyelidikan

Objektif - Untuk menyelesaikan permasalahan Akidah Syariah dan Akhlak di kalangan umat Islam melalui kajian yang berkualiti dan tepat.

PRESTASI AKTIVITI

Output	2002 (Sebenar)	2003 (Anggaran)	2004 (Anggaran)
Membuat Kajian Ajaran Sesat	20	20	25
Bengkel/taklimat mengenai isu Akidah	5	4	6
Penulisan bahan-bahan penerbitan berkaitan dengan penyelewengan Akidah	5	4	5
Membuat kertas kajian untuk Fatwa	25	25	25
Muzakarah Panel Kajian Syariah	5	4	4

Aktiviti 3 : Dakwah, Pembangunan Keluarga Islam dan Pengurusan Masjid

Objektif - Untuk menyebar dan memantapkan ajaran Islam di kalangan masyarakat dari segi Akidah, Syariah dan Akhlak. Melahirkan insan kamil ke arah pembentukan masyarakat madani.

PRESTASI AKTIVITI

Output	2002 (Sebenar)	2003 (Anggaran)	2004 (Anggaran)
Melaksanakan Kelas Pengajian Takmir Masjid dan Surau (kelas)	16,885	19,336	19,788
Melaksanakan Bengkel Pembangunan Keluarga dan Pembangunan Sosial (kekerapan)	52	102	120
Memantau pelantikan Pegawai Penyelaras Masjid Daerah & Pegawai Dakwah Kontrak di Negeri-negeri dan menguruskan bayaran elaun (orang)	84	84	84
Menerbitkan Suara Masjid Negara (keluaran)	52	52	52
Melaksanakan ijtimak, dialog dan muzakarah kepada Jawatankuasa Pentadbiran Masjid (kali)	10	38	28

Aktiviti 4 : Pembangunan Pendidikan Islam dan Latihan

Objektif - Memastikan semua kanak-kanak berumur 7 hingga 12 tahun celik membaca Al-Quran dan Fardu Ain.

PRESTASI AKTIVITI

Output	2002 (Sebenar)	2003 (Anggaran)	2004 (Anggaran)
Mengagihkan bantuan kewangan kelas KAFA (RM Juta)	82.1	87.0	87.0
Pemakaian kurikulum SAR/SAN	12	12	12
Menguruskan latihan pengukuhan	990	990	990
Bil. kajian keperluan latihan	7	8	10

Aktiviti 5 : Perundangan dan Penguatkuasaan

Objektif - Membangunkan Sistem Perundangan Islam yang seragam, cekap, berkesan bagi menegakkan keadilan berasaskan Islam.

PRESTASI AKTIVITI

Output	2002 (Sebenar)	2003 (Anggaran)	2004 (Anggaran)
Bil. mesyuarat, dialog dan persidangan menyelesaikan isu-isu semasa dan undang-undang Pentadbiran Islam yang diadakan	47	48	50
Bil. draf undang-undang Islam disediakan	3	3	3
Bil. semakan kes Mahkamah Syariah untuk dimuatkan dalam Jurnal Hukum	40	42	45
Bil. aduan dan permohonan khidmat nasihat	62	65	68

Aktiviti 6 : Informasi Islam

Objektif - Memastikan maklumat aplikasi yang memenuhi keperluan pengguna, menepati masa dan tempat. Membangunkan keperibadian ummah berteraskan Akidah, Syariah dan Akhlak Islamiah melalui penyiaran berkesan.

PRESTASI AKTIVITI

Output	2002 (Sebenar)	2003 (Anggaran)	2004 (Anggaran)
Menguruskan penerbitan rancangan media elektronik TV/radio	10,808	11,690	12,000
Menguruskan penerbitan majalah, takwim, risalah dan buku	327,000	327,000	18,000
Bil. OS/perisian dan data	20	25	30
Bil. buku rujukan dibeli	7,850	8,810	9,000

Aktiviti 7 : Baitulmal & Pembangunan Sosioekonomi

Objektif - Membangun dan menyelesaikan masalah masyarakat Islam di Wilayah Persekutuan melalui skim agihan dan pembangunan fizikal yang terancang.

PRESTASI AKTIVITI

Output	2002 (Sebenar)	2003 (Anggaran)	2004 (Anggaran)
Bil. penerima zakat	14,800	16,100	17,000
Bil. hartanah yang diselenggarakan	300	315	320
Bil. penyewaan rumah/tanah diurus	260	270	280
Nilai pelaburan majlis diurus (RM Juta)	56	56	56

PROGRAM 6 : BAHAGIAN PENGURUSAN HARTANAH

Objektif - Menyediakan keperluan ruang pejabat, tempat tinggal (kuarters) dan tempat beristirahat yang sesuai, selesa dan secukupnya untuk Anggota Perkhidmatan Awam serta menyelenggara dan mengawal selia hartanah berkenaan.

Aktiviti 1 : Pentadbiran Am dan Pembangunan

Objektif - (a) Memenuhi keperluan ruang pejabat dan tempat-tempat istirahat yang selesa dan mencukupi bagi Kementerian/Jabatan; (b) Memberi perkhidmatan sokongan yang cekap dan berkesan dalam bidang pentadbiran, perkhidmatan, kewangan dan perakaunan yang memenuhi objektif program secara keseluruhannya; (c) Memastikan bangunan Kerajaan berada dalam keadaan baik dan memuaskan, memenuhi ciri-ciri keselamatan; dan (d) Mewujudkan dan membangunkan sistem maklumat yang kemas kini.

PRESTASI AKTIVITI

Output	2002 (Sebenar)	2003 (Anggaran)	2004 (Anggaran)
Permohonan penyewaan ruang pejabat yang diterima	229	500	500

PRESTASI AKTIVITI

Output	2002 (Sebenar)	2003 (Anggaran)	2004 (Anggaran)
Permohonan yang diluluskan	229	500	500
Bil. kertas kerja disediakan	345	500	500
Jumlah keluasan ruang-ruang yang diluluskan (m.p)	268,600	268,600	268,600
Jumlah penyewaan sebulan (RM)	5,401,784	5,401,784	5,401,784

Aktiviti 2 : Pengurusan Hartanah

Objektif - (a) Memenuhi keperluan tempat tinggal (kuarters) bagi Anggota Perkhidmatan Awam dan mengawal selia harta berkenaan; (b) Memberi khidmat pengurusan dan penyeliaan Rumah Peranginan/ Penginapan Persekutuan dan Rumah Kediaman Rasmi; dan (c) Menyelenggara kuarters supaya berada di tahap yang memuaskan.

PRESTASI AKTIVITI

Output	2002 (Sebenar)	2003 (Anggaran)	2004 (Anggaran)
Bil. kuarters Kerajaan yang ada	8,715	10,000	20,000
Bil. rumah peranginan yang dikawal selia	117	183	183
Bil. rumah penginapan yang dikawal selia	10	10	10
Bil. Rumah Kediaman Rasmi yang dikawal selia	16	16	16
Bil. aduan kerosakan yang diterima	500	1,000	1,000

PROGRAM 7 : UNIT PEMODENAN TADBIRAN DAN PERANCANGAN PENGURUSAN MALAYSIA (MAMPU)

Objektif - Untuk membawa perubahan di dalam pentadbiran awam bagi meningkatkan kualiti, kecekapan, keberkesanan dan keutuhan pengurusan sejajar dengan matlamat negara.

Aktiviti 1 : Pentadbiran Am

Objektif - Memastikan perkhidmatan sokongan dalam urusan kewangan, perkhidmatan dan pentadbiran pejabat diberikan dengan kualiti yang tinggi kepada aktiviti-aktiviti di bawah

program MAMPU, di samping memberi khidmat nasihat yang berkesan mengenai pembaharuan pengurusan dalam pentadbiran Kerajaan di Negeri Sabah dan Sarawak.

PRESTASI AKTIVITI

Output	2002 (Sebenar)	2003 (Anggaran)	2004 (Anggaran)
Bil. baucar disediakan	2,350	2,400	2,500
Bil. Pesanan Kerajaan disediakan	500	540	520
Bil. Penyata Perubahan Gaji disediakan	344	400	400
Bil. Kew. 8 disediakan	1,036	1,200	1,600
Bil. minit mesyuarat disediakan	250	299	330

